

14 AUG 1998

Razali-Myanmar

RAZALI ISMAIL DILANTIK WAKIL KHAS PBB KE MYANMAR

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Bekas Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Tan Sri Razali Ismail telah dilantik sebagai wakil khas Setiausaha Agung PBB Kofi Annan ke Myanmar.

Ketika mengesahkan perkara itu hari ini, Razali berkata beliau telah mendapatkan nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung pelantikan itu dan Dr Mahathir telah memberi kebenaran kepadanya memegang jawatan itu.

"Misi saya ke Myanmar adalah untuk cuba dan meredakan ketegangan di antara kerajaan Myanmar dan penyokong (pemimpin pembangkang) Aung San Suu Kyi," katanya kepada Bernama di sini.

"Saya gembira mengetuai misi ini kerana ia menjadi harapan Setiausaha Agung PBB agar wujud dialog di antara pihak berkuasa Myanmar dan Aung San Suu Kyi dan penyokongnya," katanya.

Bagaimanapun, Razali berkata beliau tidak dapat pergi ke Myanmar buat masa ini kerana pihak berkuasa di Yangon belum memberi kebenaran kepada misi itu untuk memasuki negara itu.

"Lawatan misi itu ke Myanmar ditunda tetapi saya berharap saya dapat pergi apabila keadaan mengizinkan," katanya.

Pelantikan Razali adalah berikutan ketegangan baru di Myanmar di antara kerajaan tentera negara itu dan Aung San Suu Kyi, yang hari ini mengadakan konfrontasi untuk hari kedua selepas dihalang daripada menemui para penyokongnya.

Aung San Suu Kyi, pemimpin Liga Kebangsaan bagi Demokrasi (NLD), dihalang daripada menemui penyokongnya di luar ibu negara Myanmar itu bulan lepas dan menghabiskan masa enam hari dalam sebuah kereta sebelum pegawai-pegawai memaksanya pulang ke Yangon.

Menurut laporan dari Yangon, ini adalah percubaannya yang keempat untuk menemui penyokong di luar wilayah itu dalam tempoh sebulan.

Parti Aung San Suu Kyi memenangi pilihan raya 1990 dengan majoriti besar tetapi kerajaan tentera negara itu enggan menyerahkan kuasa. Beliau menuntut kepada kerajaan supaya parlimen yang dipilih pada 1990 bersidang menjelang 24 Ogos atau menghadapi akibatnya.

PBB dalam satu kenyataan baru-baru ini berhubung Myanmar menggesa kerajaan negara itu supaya bekerjasama dengan Aung San Suu Kyi untuk menyelesaikan ketegangan sekarang secara aman dan secepat mungkin.

PBB juga menggesa Yangon supaya menjamin hak kebebasan bergerak dan berpersatuan kepada setiap rakyat dan menyegerakan proses perdamaian.

Razali bersara sebagai Wakil Tetap Malaysia ke PBB pada Mac tahun ini selepas lapan tahun termasuk berkhidmat selama setahun sebagai Presiden Perhimpunan Agung PBB.

Sementara itu, Ketua Pembangkang Parlimen Lim Kit Siang menyifatkan keengganan kerajaan Myanmar untuk menerima lawatan misi khas Razali ke negara itu sebagai "satu tindakan yang tidak mesra dan tidak bersemangat Asean".

Lim, yang juga Setiausaha Agung DAP, berkata kerajaan Malaysia harus menyampaikan rasa tidak puashatinya berhubung keengganan kerajaan Myanmar itu untuk membenarkan misi itu memasuki negara berkenaan.

Beliau berkata kerajaan Malaysia dan Asean tidak wajar berdiam diri kepada "keadaan politik yang semakin merosot" di Myanmar.

Myanmar diterima sebagai anggota Asean pada mesyuarat Menteri Luar Asean di sini pada Julai tahun lepas.

-- BERNAMA
AU AKD